

# PM setuju peraturan RTM

BH 17 APR 1992

PASIR GUDANG, Kira-  
mis — Perdana Menteri,  
Datuk Seri Dr Mahathir  
Mohamad bersetuju de-  
ngan langkah Kement-  
erian Penerangan yang ha-  
nya memberi keutamaan  
kepada artis lelaki beram-  
but pendek untuk muncul  
dalam rancangan stesen  
radio dan televisyen tem-  
patan.

Menurutnya, langkah  
kementerian itu untuk

menguatkuasakan peratu-  
ran berkenaan adalah  
baik dan tidak ada sebab  
artis tempatan tidak bo-  
leh mematuhi.

"Saya bersetuju (de-  
ngan peraturan itu). Apa  
sebab mereka hendak be-  
rambut panjang.

"Ini masalah orang Ba-  
rat. Orang Barat mempun-  
yai masalah berkaitan  
penyakit jiwa. Mereka ti-  
dak tentu arah dan be-

rambut panjang," katanya  
kepada pemberita selepas  
merasmikan kilang Titan  
Himont Polymers (M) Sdn  
Bhd. di sini petang ini.

Dr Mahathir berkata,  
artis tempatan tidak perlu  
meniru apa yang dilaku-  
kan orang Barat.

"Apa kita perlu tiru me-  
reka. Bukan kita tidak bo-  
leh menyanyi jika beram-  
but pendek," katanya.